

COSMOS FUNGIL CREAM

Tolnaftate/Chlorhexidine Acetate (1.00% w/w / 0.20% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cosmos Fungil Cream
2. Bagaimana Cosmos Fungil Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cosmos Fungil Cream
4. Cara menggunakan Cosmos Fungil Cream
5. Semasa menggunakan Cosmos Fungil Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cosmos Fungil Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Cosmos Fungil Cream

Cosmos Fungil Cream digunakan untuk melegakan dan merawat penyakit kaki atlet, kurap, jangkitan kulat pada pangkal paha dan panau.

Hubungi doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengapa ubat ini dipreskripsikan untuk anda. Doktor anda mungkin telah mempreskripsikan ubat ini atas sebab-sebab lain.

Bagaimana Cosmos Fungil Cream berfungsi

Cosmos Fungil Cream mengandungi *tolnaftate* dan *chlorhexidine acetate* sebagai bahan aktif. Tolnaftate tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan anti kulat. Chlorhexidine acetate adalah sejenis agen antibakteria.

Sebelum mengambil Cosmos Fungil Cream

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap

tolnaftate, chlorhexidine acetate atau sebarang bahan kandungannya yang disenaraikan di akhir risalah ini.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- *Sebelum menggunakan Cosmos Fungil Cream*

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuklah yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh bertindak balas dengan Cosmos Fungil Cream. Walau bagaimanapun, tiada tindak balas yang dikenal pasti buat masa ini.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika menggunakan Cosmos Fungil Cream.

Cara menggunakan Cosmos Fungil Cream

- *Berapa banyak harus digunakan*

Penyakit kaki atlet, kurap dan jangkitan kulat pada pangkal paha

Sapu pada tempat yang berkenaan dua kali sehari, pagi dan petang.

Panau

Sapu satu kali sehari. Gosok perlahan-lahan pada tempat yang berkenaan.

- *Bila perlu digunakan*

Guna Cosmos Fungil Cream seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Terus menggunakan ubat ini selagi diarahkan oleh doktor anda.

Untuk penyakit panau, sapu krim untuk 2 hingga 3 minggu, teruskan rawatan untuk 10 hari supaya jangkitan tidak berulang.

Hubungi doktor anda jika keadaan anda tidak beransur baik dalam masa 4 minggu untuk jangkitan kulat pada pangkal paha.

- *Jika terlupa menggunakan*

Sekiranya anda terlupa menggunakan Cosmos Fungil Cream, sapu ubat ini sebaik sahaja anda teringat.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Cosmos Fungil Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Cosmos Fungil Cream jika kerengsaan. Jangan beri Cosmos Fungil Cream pada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.

Jangan guna Cosmos Fungil Cream untuk merawat penyakit lain kecuali atas arahan doktor anda.

Cosmos Fungil Cream mengandungi *chlorhexidine*. Sila maklumkan doktor/ahli farmasi anda jika anda alah kepada *chlorhexidine*.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan terkena pada mata dan lapisan mukus.

Pastikan anda menggunakan Cosmos Fungil Cream untuk tempoh rawatan yang sepenuhnya. Jika tidak, ubat ini tidak akan menghilangkan jangkitan dengan sepenuhnya.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan seperti kerengsaan kulit jarang-jarang berlaku.

Produk ini berkemungkinan menyebabkan berlakunya hipersensitiviti.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, or atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Cosmos Fungil Cream

- Penyimpanan

Simpan ubat anda di tempat kering.

Jangan menyimpan Cosmos Fungil Cream atau sebarang ubat lain di dalam bilik air atau berdekatan sinki.

Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau ditepi tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat. Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.

Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti menggunakan Cosmos Fungil Cream, atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Persediaan separa pepejal yang berwarna putih dengan bau yang menyenangkan.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Tolnaftate
- Chlorhexidine acetate

Bahan tidak aktif:

- Cetomacrogol 1000
- Propyl paraben
- Methyl paraben
- White soft paraffin
- Cetosteryl alcohol
- Liquid paraffin
- Glycerine
- Purified water

- Nombor MAL
MAL19963257X

Pengilang

UPHA PHARMACEUTICAL MFG (M) SDN BHD (53667-M)
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Pemegang Pendaftaran Produk

CCM PHARMACEUTICALS SDN BHD (277454-W)
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RIMUP

14/09/2017